



# Sejarah Melayu moden perlu ditulis semula berasas fakta

Berita Harian 08/05/2010 M/S 27

MELAYU pernah tercatat sebagai bangsa yang agung dan menguasai samudera Nusantara. Melayu juga mendaulatkan hubungan antara raja dan rakyat dalam sistem Kesultanan Melayu. Sebelum penguasaan penjajah pada 1511, Kerajaan Melayu Melaka berapak kukuh sebagai institusi berdaulat yang mengatur kegiatan siasah, ekonomi dan sosial di Asia Tenggara.

Keagungan kerajaan Melayu juga menyebabkan ramai pedagang Arab, India dan China datang berdagang serta mencari rezeki. Ada yang sementara dan ada juga kekal di Melaka sebagai bumi emas yang diperelihara.

Ketika itu agenda politik luaran belum menonjol kerana Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka dianggap sebagai piagam undang-undang yang perlu dihormati. Pedagang ketika itu menghargai peraturan yang termaktub di wilayah Melayu sebagai sesuatu yang tidak perlu dicabar kerana kedatangan mereka semata-mata

untuk berdagang, bukan menguasai politik dan sistem nilai tempatan.

Pendatang tidak pernah bersuara mengenai hak Melayu di buminya sendiri kerana menyedari asal-usul mereka yang datang ke sini semata-mata untuk berdagang. Mereka juga tidak berani mengatakan Melayu mengamalkan perkauman, semata-mata membincangkan isu kedaulatan sistem beraja di alam Melayu.

Dalam *Sejarah Melayu*, sistem nilai tempatan dipaparkan dengan jelas. Citra sosialnya berlandaskan kesaksamaan. Rakyat dan raja mempunyai fungsi masing-masing. Rakyat dilarang menderhaka kepada raja. Raja pula tidak boleh menzalimi rakyat.

Mitos Hang Jebat derhaka adalah citra politik yang mengaitkan kesetiaan kedua-dua pihak. Sama ada ia benar berlaku atau sekadar mainan hikayat, kisah penderhakaan Jebat mengundang pelbagai polemik mengenai isu kesetiaan dan kezaliman.

Begitu juga kisah Sultan Mahmud Mangkat Dijulang sering diulang tayang dalam pelbagai versi untuk menunjukkan betapa kedua-dua pihak perlu menjaga kese-

tiaan dan kedaulatan.

Waadat antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba juga menyimpulkan perjanjian antara kedua-dua pihak. "...Maka sembah Demang Lebar Daun. 'Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku. Dan jika ia berdos, sebesar-besar dosanya pun, jangan dinista dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau berlaku pada hukum syarak.' (*Sejarah Melayu*).

Waadat itu menyimpulkan akibat daripada kezaliman raja terhadap rakyat boleh menyebabkan keadaan tidak harmoni. Ia juga memberi amaran supaya tidak terjadi amalan 'sembah derhaka.'

Menjelang 1824, suasana di bumi Melayu semakin berubah. Sejarah kesultanan Melayu semakin luntur. Ingeris dan Belanda membahagikan bumi Melayu mengikut keperluan politik dan ekonomi, menyebabkan keadaan sudah jauh berubah.

Penjajah juga membawa masuk buruh ladang dan pelombong bijih timah dari Asia Selatan dan China menyebabkan komposisi kaum ber-

ubah secara drastik.

Ketika Perang Dunia Kedua muncak pada 1945, bumi Melayu bukan saja berdepan era penjajahan Barat dan Jepun, juga ancaman sistem komunis yang bertapak kukuh di China dan Soviet Union. Fahaman Das Kapital dan nama Karl Marx tiba-tiba mencelah di rantau ini.

Kemudian muncul pula Mao Tse Tung yang dianggap pemimpin agung bagi penganut komunis di Asia. Malaysia tidak terkecuali menerima ancaman komunis, walaupun pada masa sama gerakan massa sedang berjuang untuk membebaskan negara daripada penjajahan.

Ketika nasionalis berjuang membebaskan pertiwinya, ada pula pihak yang mengira langkah untuk berbaik bukan saja dengan Barat, bahkan kuasa komunis di Asia Timur.

Ada yang mendakwa pejuang, tetapi pada masa sama memihak kepada penjajah untuk mempertahankan kepentingan peribadi. Ada juga yang jujur berjuang dan mati tanpa pusara. Lebih malang pula ada pihak yang memilih menyokong komunis dan menyelip di celah Banjaran Titiwangsa untuk meraih laba hasil bumi wi-

layah Melayu.

Perjuangan yang pelbagai menjadikan wilayah Melayu sentiasa berkocak. Insiden 13 Mei 1969 adalah cetusan ketidakadilan agihan ekonomi yang menyebabkan Melayu terpinggir di sektor tradisional, sedangkan pihak lain menguasai nikmat ekonomi secara terbuka.

Keadaan siasah semakin tidak menentu apabila Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac 2008 menunjukkan gerakan untuk meniadakan segala aturan yang pernah tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 153 dipersoalkan secara terbuka. Isu kemelayuan dianggap perkauman dan lebih malang lagi apabila ada bangsa Melayu sendiri yang sanggup mempertikaikan institusi istana.

Hari ini, sejarah Melayu moden perlu ditulis semula dengan segala kejujuran. Jika sebelumnya ada catatan yang ditulis mengikut persepsi sebelah pihak, ia perlu diadili dengan fakta kerana ramai pejuang sebenar yang terpinggir daripada kalam sejarah. Pengaruh atau kekuasaan tidak sepatutnya mengganggu ahli sejarah mencatat peristiwa kerana ia bakal menjadi penyelidikan massa.